



TEKS UCAPAN

**YBRS. DR. ROSLI BIN DARMAWAN
KETUA PENGARAH
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

SEMPENA

**MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2025
MEMPERKASA PERKHIDMATAN AWAM
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

28 JANUARI 2025 (SELASA)

SALUTASI

Yang Berusaha Ts. Dr. Ishak Mansor

Timbalan Ketua Pengarah Program Perkhidmatan Teknikal;

Yang Berusaha Pengarah-Pengarah, tuan-tuan dan puan-puan, warga Nuklear Malaysia sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Saya berasa bersyukur kerana dapat berhimpun pada hari ini dalam Majlis Amanat Tahun Baharu 2025 Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia). Saya amat berbesar hati menerima kehadiran tuan-tuan, puan-puan warga Nuklear Malaysia pada hari ini.
2. Sesungguhnya majlis ini amat penting untuk saya berkongsi mengenai pencapaian Nuklear Malaysia Tahun 2024 dan fokus serta hala tuju Nuklear Malaysia bagi tahun 2025 dan tahun-tahun mendatang, kepada semua warga Nuklear Malaysia.
3. Tahun 2025 bukan sekadar sasaran waktu, tetapi detik penting untuk membentuk perkhidmatan awam yang lebih dinamik, inklusif, dan berorientasikan masa depan. Untuk penjawat awam yang berdedikasi, tahun 2025 adalah peluang untuk terus menjadi pemangkin perubahan dan inspirasi kepada rakyat. **Aspirasi 2025 adalah kunci kepada Transformasi Perkhidmatan Sektor Awam Malaysia.** Aspirasi ini merangkumi strategi yang bertujuan meningkatkan kecekapan, ketelusan dan keberkesanan perkhidmatan awam. Melalui pendekatan ini, perkhidmatan awam diharap dapat mendokong agenda pembangunan negara dengan lebih bijaksana, tangkas dan mantap.

4. Selaras dengan amanat Tahun Baharu 2025 oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri baru-baru ini, kita harus bersama menjunjung prinsip ***Striving for Excellence***, maknanya berusaha mencari jalan dan kaedah supaya mencatat kecemerlangan, mengukuh perpaduan di dalam negara kita dahulu, sebab sebelum kita melangkau ke rantau dan ke pasaran antarabangsa negara harus teratur dengan baik, tatakelola mesti dimantapkan, ketirisan dan rasuah mesti dibanteras, barulah kita akan perolehi penghormatan sebagai satu negara yang berdaulat, merdeka dan bertanggungjawab.

PENCAPAIAN NUKLEAR MALAYSIA TAHUN 2024

Tuan-Tuan, Puan-Puan Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

5. Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas dedikasi serta komitmen seluruh warga kerja Nuklear Malaysia dalam menjayakan agenda sains, teknologi dan inovasi nuklear sama ada di peringkat agensi dan negara.

DASAR TEKNOLOGI NUKLEAR NEGARA (DTNN) 2030

6. Dasar Teknologi Nuklear Negara (DTNN) 2030 telah dilancarkan pada September 2023. DTNN 2030 telah mencapai peratus pelaksanaan sebanyak 89.1 peratus bagi pelaksanaan 13 Sasaran Utama DTNN 2030 sepanjang tahun 2024. DTNN 2030 merupakan antara dasar dan pelan hala tuju MOSTI yang mempunyai status

pencapaian yang tinggi dalam pelaporan i-STRATEGIK MOSTI yang dipantau dari masa ke masa.

7. Saya juga berbesar hati di atas kerjasama dan sokongan berterusan yang diberikan oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) kepada Nuklear Malaysia. Pada tahun ini, DBP telah bersetuju memberi Segmen Khas, “Nuklear Untuk Rakyat (N.U.R) dalam setiap keluaran majalah Dewan KOSMIK. Diharap dengan adanya segmen khas ini, ia dapat membantu usaha kita dalam meningkatkan keberkesanan program komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam (CEPA) teknologi nuklear di seluruh negara.
8. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua warga Nuklear Malaysia yang telah menyumbang dalam pelaksanaan DTNN 2030 sepanjang tahun 2024. Saya berharap semua warga Nuklear Malaysia dapat bekerjasama bagi memastikan semua inisiatif dan program yang dirancang di bawah kerangka DTNN 2030 dapat dicapai sepenuhnya sehingga tahun 2030.

PENGIKTIRAFAN DAN ANUGERAH

Tuan-Tuan, Puan-Puan Serta Hadirin Sekalian,

9. Saya juga ambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah kepada semua warga Nuklear Malaysia di atas pencapaian yang amat memuaskan melalui penelitian kepada laporan indikator prestasi utama Nuklear Malaysia didalam KPI *Outcome Based Budgeting* (OBB), Pengurusan Kewangan, tatakelola, integriti, pengurusan pelawat dan aduan.

10. Tidak dilupakan juga pencapaian pegawai-pegawai Nuklear Malaysia di peringkat antarabangsa sepanjang Tahun 2024. Tahniah diucapkan kepada YBrs. Dr. Noorul Ikhsan, BTI di atas kejayaan beliau memenangi Grand Prize & Special Award of Merit DOST-TAPI Philippines bersempena 2024 Seoul International Invention Fair (SIFF 2024), dan juga tahniah diucapkan kepada En. Faiz Ahmad dari BAB yang dianugerahkan *FNCA Excellent Young Researcher Award 2024*.
11. Kita juga berbangga dengan pencapaian Makmal Farmaseutikal Bahagian Teknologi Perubatan di atas kejayaan Penyerahan Sijil Status Makmal BioNexus Partner 2024. Tahniah dan syabas kepada semua warga Nuklear Malaysia yang telah meraih dan mencipta pelbagai kejayaan. Diharap pada tahun 2025 lebih banyak kejayaan yang dapat diraih dan dibanggakan oleh warga Nuklear Malaysia.

PENDEKATAN KERANGKA MADANI

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

12. Pendekatan kerangka MADANI itu sendiri cukup luas dengan mengambil kira permasalahan keadilan sejagat. Dalam menyantuni rakyat melalui keprihatinan Agensi Nuklear Malaysia juga tidak ketinggalan. Pelbagai program telah dan akan terus dilaksanakan contohnya **Kampung Angkat MADANI** dan **program SANTUNI MADANI**. Ini adalah salah satu usaha penglibatan serta sumbangan agensi kerajaan khususnya Nuklear Malaysia dalam membantu rakyat meningkatkan kualiti hidup komuniti setempat.

13. Untuk makluman semua, Kampung Sungai Buah, Dengkil, Sepang telah dipilih sebagai Kampung Angkat Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia di bawah inisiatif Program Satu Pemimpin Satu Kampung (Santuni MADANI). Sehubungan dengan itu, saya menyeru semua warga Nuklear Malaysia untuk berganding bahu dan bekerjasama bagi merealisasikan dan menjayakan program ini.
14. Di sini saya melihat **inovasi sosial** memainkan peranan yang cukup penting dalam mencipta solusi yang praktikal dan berimpak tinggi, bagi mengatasi cabaran-cabaran sosial di peringkat akar umbi. Kita perlu berpegang kepada pendekatan isu tempatan, teknologi tempatan dan manfaat tempatan bagi merancakkan ekosistem sains, teknologi dan inovasi nuklear negara.
15. Saya yakin melalui projek Kampung Angkat MADANI yang diinspirasikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ini dapat memberikan manfaat optimum secara langsung kepada penduduk dan meningkatkan kesejahteraan komuniti setempat. Ini amat selari dengan usaha dan hasrat Nuklear Malaysia untuk memanfaatkan teknologi nuklear kepada rakyat.
Nuklear Untuk Rakyat (N.U.R).

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

16. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada semua warga BTS, terutamanya, di atas kejayaan pembangunan FLOODCOM: *Floating Flood Disaster Command Centre* (Pusat Gerakan Bencana Banjir Terapung) yang ditempatkan di lokasi strategik di Kampung Bantal,

Hulu Tembeling untuk kegunaan pihak Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) bagi Pengurusan Bencana dan Kecemasan khususnya pengoperasian seperti kecemasan, menyelamatkan, memindah dan menyampaikan bantuan kemanusiaan kepada mangsa banjir. Selain itu, pembangunan FLOODCOM ini juga telah berjaya dibangunkan di Kg. Tekam Segamat di bawah inisiatif Kampung Angkat MADANI MOSTI dan di Kg. Pasir Pekan Tengah, Tumpat, Kelantan di bawah inisiatif Kampung Angkat MADANI, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK).

TEKAD MOSTI 2025

Tuan-Tuan, Puan-Puan Hadirin Sekalian,

17. Dalam Majlis Amanat YB Menteri pada 21 Januari 2025 yang lalu, MOSTI akan menerajui pembangunan ekonomi angkasa ASEAN sebagai projek moonshot, yang merupakan antara hala tuju utama kementerian pada tahun ini. Program moonshot ini merupakan inisiatif yang merangkumi pelbagai sektor dan ia akan memberi impak yang besar kepada ekosistem negara. Ekonomi angkasa akan membantu mengembangkan teknologi angkasa, yang seterusnya memberi manfaat kepada sektor pertanian, elektronik dan elektrik (E&E), semikonduktor, serta pembangunan dan penyelidikan.

18. Ekonomi angkasa serantau ini juga dijangka membangunkan industri hiliran seperti unsur nadir bumi (REE), yang berpotensi menghasilkan produk bernilai tinggi seperti supermagnet. Sehubungan dengan itu, saya menyeru warga Nuklear Malaysia agar dapat menyumbang dan menonjolkan penggunaan teknologi nuklear dalam pelaksanaan program moonshot MOSTI ini.
19. Di samping itu juga, Kerajaan sedang mempertimbangkan penggunaan **tenaga nuklear sebagai sumber penjanaan tenaga elektrik** negara pada masa depan. Pelaksanaan inisiatif itu adalah sebahagian daripada usaha dalam mencapai matlamat pelepasan karbon sifar bersih menjelang tahun 2050.
20. Sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab terhadap pembangunan sains, teknologi dan inovasi (STI), pastinya Nuklear Malaysia boleh dan perlu memainkan peranan dalam menyediakan **kepakaran melalui program latihan**. Pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang ada di Nuklear Malaysia dalam mengendalikan dan menyenggara reaktor penyelidikan nuklear iaitu Reaktor TRIGA PUSPATI yang selamat lebih 40 tahun boleh diaplikasikan ke dalam program tenaga nuklear sekiranya dilaksanakan pada masa akan datang.

FOKUS NUKLEAR MALAYSIA 2025

Tuan-Tuan, Puan-Puan Hadirin Sekalian,

21. Kita seharusnya senantiasa bersyukur dengan kejayaan pada tahun 2024, namun sebagaimana amanat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri MOSTI, kita tidak boleh berasa selesa dengan kejayaan tersebut. Masih banyak lagi ruang penambahbaikan dan inovasi baharu yang patut diteroka oleh agensi penyelidikan seperti Nuklear Malaysia.
22. Sasaran kita tetap jelas iaitu memaksimumkan manfaat penggunaan teknologi nuklear secara aman untuk pembangunan sosioekonomi, sekali gus meletakkan negara setanding dengan negara maju menjelang tahun 2030. Pelaksanaan DTNN 2030 ini merupakan rangka strategi jangka panjang bagi memacu pembangunan teknologi nuklear negara sekaligus dapat mencapai nilai pelaburan berjumlah RM2.4 billion menjelang 2030.
23. Berteraskan prinsip **Malaysia MADANI** dan **PRECISE** iaitu ***People Centric, R&D, Enculturate, Capacity Nuilding, Investment dan Start-ups ecosystem***, saya menyeru semua warga Nuklear Malaysia untuk berusaha meneroka projek-projek yang dapat diterjemahkan kepada masyarakat melibatkan semua peringkat pihak industri, akademik dan rakyat. Ini adalah selaras dengan hasrat MOSTI agar segenap lapisan masyarakat dapat merasai kepentingan sains, teknologi dan inovasi (STI) dalam kehidupan seharian.

24. Sempena kepengerusian ASEAN oleh Malaysia pada tahun 2025, **Nuklear Malaysia berbangga menjadi tuan rumah kepada 8th Annual Meeting of ASEAN Nuclear Power Safety Research (NPSR)** selaras dengan polisi penggiliran di kalangan negara-negara ASEAN. Sebagai **tuan rumah, saya mengalu-alukan kehadiran peserta dari 10 Negara ASEAN yang menjadi Ahli ASEAN NPSR yang terdiri daripada Malaysia, Indonesia, Singapura, Vietnam, Filipina, Myanmar, Cambodia, Brunei Darussalam, Laos dan Thailand** dalam mesyuarat ini yang akan diadakan pada 8 hingga 10 September 2025 bertempat di Cititel Hotel Midvalley, Kuala Lumpur.
25. Pada tahun 2025, Nuklear Malaysia telah diperuntukkan sejumlah **RM101 Juta Peruntukan Mengurus dan RM8.8 Juta Peruntukan Pembangunan**. Pelaksanaan Sistem Saraaan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang dikuatkuasakan pada tahun lalu menuntut kita agar melaksanakan anjakan motivasi dalam memperkasakan perkhidmatan awam. Suka saya menyampaikan seruan daripada YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara (KSN) supaya warga perkhidmatan awam meningkatkan mutu kerja, komitmen dan dedikasi selaras dengan pelaksanaan SSPA.

PENUTUP

Tuan-Tuan, Puan-Puan, Warga Nuklear Malaysia Sekalian,

26. Harapan saya, Nuklear Malaysia akan terus berkembang dalam melaksanakan fungsinya dan setiap program yang dirancang bagi tahun 2025 dapat dilaksanakan untuk memberikan manfaat dan memaksimumkan penggunaan teknologi nuklear kepada masyarakat. Marilah kita bersama-sama berganding bahu dan bekerjasama dalam melaksanakan amanah ini dan meraih pelbagai kejayaan dan pencapaian terbaik lagi pada masa akan datang.
 27. Sebelum saya mengakhiri ucapan amanat ini, saya dan Barisan Pengurusan Tertinggi Nuklear Malaysia ingin mengambil peluang untuk mengucapkan **Selamat Tahun Baharu 2025 dan *Happy Chinese New Year*** bagi warga Nuklear Malaysia yang meraikannya dan berhati-hati memandu di jalan raya kepada semua yang pulang ke kampung halaman atau bercuti sempena cuti perayaan Tahun Baharu Cina ini.
 28. Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan terima kasih.
-